



PENEROKAAN dan penebangan hutan tak dikawal boleh jejas sistem biodiversiti.

Prestasi indeks pengurusan alam sekitar, hutan belum capai sasaran

B11A 9/2/12 M38.

Kesedaran rakyat mengenai pembangunan lestari perlu ditingkat

GEMBIRA membaca berita bahawa Malaysia adalah negara ke-25 terbaik dari segi Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) daripada 132 negara yang diumumkan pada Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland baru-baru ini. Ia adalah pencapaian terbaik negara selepas diumumkan menduduki tangga ke-54 dua tahun lalu.

EPI dibangunkan Universiti Yale dan Universiti Colombia dengan kerjasama Suruhanjaya Eropah dan Forum Ekonomi Dunia bagi menilai prestasi sesebuah negara melalui dua objektif utama iaitu kesejahteraan alam sekitar dan kesan pencemaran terhadap kesejahteraan hidup manusia.

Keputusan ini juga meletakkan Malaysia di tempat ketiga selepas New Zealand dan Jepun di Rantau Asia Pasifik dan berada dalam kelompok negara maju seperti German, Finland, Denmark dan Jepun. Mengikut laporan itu Malaysia mencapai tahap memberangsangkan dalam aspek kesan udara kepada kesihatan manusia, pertanian, biodiversiti dan habitat. Bagaimanapun dalam EPI untuk perhutanan dan perubahan masih rendah dan disyorkan negara perlu mengambil langkah lebih proaktif.

Pencemaran alam sekitar menjadi isu besar pada peringkat global abad ini. Kemajuan pesat dunia dalam pembangunan terutama pembangunan perindustrian, perbandaran dan penempatan memberi kesan serius terhadap kualiti alam sekitar. Justeru, program menjaga alam sekitar dilancarkan pada peringkat antarabangsa melalui perjanjian, persefahaman dan juga pada peringkat negara dengan pelbagai akta dan undang-undang digubal untuk menjamin kualiti alam sekitar yang baik.

Di Malaysia, Akta Kualiti Alam Sekeliling digubal pada 1974 dan sebuah agensi penguat kuasa ditubuhkan dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar. Visi dan misi Jabatan Alam Sekitar ialah pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat dan memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara.

Seiringan itu, Dasar Alam Sekitar Negara diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam se-

kitar dan pembangunan lestari. Tujuan Dasar Alam Sekitar Negara adalah untuk: Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa depan.

Terdapat lapan prinsip di bawah Dasar Alam Sekitar Negara untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu: Pengawasan alam sekitar; Pemuliharaan ketahanan dan kepelbagaian alam; Peningkatan berterusan kualiti alam sekitar; Penggunaan mapan sumber asli; Membuat keputusan bersepadu; Peranan sektor swasta; Komitmen dan kebertanggungjawaban dan Penyertaan aktif dalam masyarakat antarabangsa

Bagi mencapai semua dasar dan prinsip ini, pelbagai program dilancarkan Jabatan Alam sekitar, antaranya program dialog/seminar/bengkel/kolokium, pameran, taklimat/ceramah, kempen kesedaran alam sekitar sersama ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan, dialog, seminar dan bengkel, anugerah alam sekitar negeri, Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), penyebaran maklumat alam sekitar, pameran alam sekitar, kem kesedaran alam sekitar promosi pendidikan dan kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar.

Tahniah kepada kerajaan kerana dengan pelaksanaan pelbagai program itu, kualiti alam sekitar negara sentiasa meningkat. Ini terbukti dengan pengumuman di Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland itu. Bagaimanapun, daripada laporan itu Malaysia masih menunjukkan kelemahan dalam pengurusan alam sekitar dalam aspek perubahan iklim dan perhutanan. Ini bermakna ne-



Kesan daripada pengurusan hutan yang lemah ini juga memberi impak kepada kualiti air mengakibatkan pencemaran sungai, udara dan gangguan sistem biodiversiti. Jika fenomena ini berterusan ia sangat merugikan negara

gara masih tinggal dalam usaha mengurus bidang perhutanan yang mengakibatkan perubahan iklim.

Justeru tindakan segera perlu dilakukan untuk memperbaiki prestasi indeks EPI dalam dua aspek ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia masih menghadapi masalah dalam pengurusan hutan kerana penerokaan hutan yang tidak terkawal seperti aktiviti pembalakan tidak sistematik, pembalakan haram, pembakaran hutan untuk tujuan pembukaan tanah baru dan pertanian yang sentiasa dilaporkan saban tahun. Kesan daripada pengurusan hutan yang lemah ini juga memberi impak kepada kualiti air mengakibatkan pencemaran sungai, udara dan gangguan sistem biodiversiti. Jika fenomena ini berterusan ia sangat merugikan negara.

Tanggungjawab mengatasi semua kelemahan ini tidak hanya bergantung di bahu kerajaan, tetapi juga di bahu semua rakyat Malaysia. Penguatkuasaan akta dan undang-undang serta kempen berterusan dijalankan Jabatan Alam sekitar adalah tidak memadai jika peranan meningkatkan kualiti alam sekitar tidak menjadi tanggungjawab semua rakyat di negara ini.

Antara peranan yang boleh dimainkan semua rakyat ialah amalkan cara bebangan memilih supaya meninggalkan anak benih semula jadi mencukupi selaras dengan bebangan berekonomik bagi memastikan asas sumber hutan berkekalan, membangunkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam hal ehwal menjaga khazanah hutan negara yang berfungsi mengkaji cara mengekal dan memulihara hutan secara sistematik, tidak menebang hutan secara sewenang-wenangnya, jauhi daripada menjalankan aktiviti pembalakan haram, menanam semula pokok di kawasan pembalakan yang telah selesai, dan tidak membuang sampah sesuka hati terutama ke dalam kawasan hutan dan sungai. Jika semua perkara ini menjadi amalan rakyat di negara ini, sudah tentu indeks EPI dalam aspek perhutanan di Malaysia akan meningkat di masa akan datang.

Banyak faedah dan kelebihan jika negara mencapai indeks EPI yang baik. Impak langsung daripadanya ialah persekitaran hidup berkualiti memenuhi keperluan asas hak asasi setiap manusia, iaitu air dan udara bersih untuk kehidupan.